

Amalan Program Cakna Emosi (ProCaksi) Dalam Kalangan Ibu Bapa Murid Disleksia di Sekolah Kebangsaan Alor Gajah 1, Melaka

Mohd Azmi bin Mastuki

Sekolah Kebangsaan Alor Gajah 1, Melaka
vios86.kj@gmail.com

ABSTRAK

Pada masa kini, semakin ramai murid yang menghadapi masalah dalam pembelajaran spesifik iaitu Disleksia. Namun begitu, tidak ramai ibu bapa yang menyedari masalah ini kerana kanak-kanak Disleksia mempunyai kecerdasan hampir sama dengan kanak-kanak normal yang lain. Di Malaysia, kempen sokongan dan kesedaran tentang ciri-ciri Disleksia masih kurang di jalankan. Kebanyakan maklumat mengenai Disleksia diperolehi daripada laman web yang dimuat turun oleh penganjur program kesedaran disleksia. Bahan bacaan tentang ciri-ciri Disleksia juga sukar diperolehi menyebabkan ramai ibu bapa yang terlepas pandang atau langsung tidak menyedari wujudnya ciri-ciri Disleksia pada anak-anak mereka. Kajian-kajian mengenai Disleksia telah ada sejak sekian lama terutamanya kajian di luar negara. Kajian mengenai Disleksia banyak memfokuskan kepada golongan guru dan pengidap Disleksia itu sendiri, namun kajian dalam konteks ibu bapa kanak-kanak Disleksia masih kurang di Malaysia. Penulisan amalan baik ini bertujuan untuk perkongsian idea dan pengalaman bagi mengatasi perasaan kerisauan dan kegelisahan di kalangan ibu bapa terhadap anak-anak yang mempunyai ciri disleksia di Sekolah Kebangsaan Alor Gajah 1 melalui Amalan Program Prihatin. Fokus aktiviti amalan ini ialah untuk melihat bagaimana Amalan Program Prihatin dapat meningkatkan sokongan dan kesedaran ibu bapa terhadap anak-anak yang mempunyai ciri-ciri Disleksia. Kumpulan sasaran pelaksanaan aktiviti amalan ini ialah seramai 5 orang ibu bapa murid Pendidikan Khas di Program Pendidikan Khas Integrasi Spesifik Disleksia Sekolah Kebangsaan Alor Gajah 1 pada tahun 2021. Data yang dikumpulkan dalam pelaksanaan aktiviti amalan ini adalah menggunakan kaedah tinjauan iaitu borang soal selidik. Dapatkan data daripada aktiviti yang telah dijalankan menunjukkan pelaksanaan aktiviti amalan ini telah berjaya meningkatkan sokongan dan kesedaran ibu bapa terhadap anak-anak yang mempunyai ciri-ciri Disleksia. Kesimpulannya, diharapkan amalan terbaik ini dapat diaplikasikan kepada kumpulan sokongan ibu bapa. Terutamanya yang mempunyai anak-anak ciri-ciri Disleksia.

Kata kunci : Sokongan Emosi, Kesedaran Emosi, Disleksia

Pengenalan Amalan Terbaik

Anak adalah anugerah yang terindah buat ibu bapa dan setiap anak mempunyai keupayaan yang berbeza antara satu sama lain. Pada masa kini, semakin ramai kanak-kanak yang menghadapi masalah dalam pembelajaran spesifik iaitu Disleksia. Namun begitu, tidak ramai ibu bapa yang menyedari masalah ini kerana kanak-kanak

disleksia mempunyai kecerdasan hampir sama dengan kanak-kanak normal yang lain. Di Malaysia, masih kurang lagi dijalankan program sokongan emosi serta perkhidmatan nasihat serta kaunseling kepada keluarga yang mempunyai anak-anak Disleksia khususnya. Kesannya, ibu bapa berasa malu dan rendah diri kerana mempunyai anak-anak Disleksia. Hal ini selaras dengan kenyataan Goleman yang menyatakan bahawa kecerdasan intelek semata-mata bukan lagi menjadi satu-satunya pengukur kejayaan individu kerana kecerdasan emosi, kecerdasan sosial, dan tuah juga memainkan peranan yang penting dalam kejayaan seseorang (Goleman, 1995). Berdasarkan pengalaman sebagai guru Disleksia, ibu bapa yang baharu mengetahui anak mereka mempunyai ciri Disleksia selalunya tidak boleh menerima kenyataan serta mencari helah bagi membuktikan anak mereka normal seperti anak-anak yang lain.

Terdapat pelbagai cabaran yang dihadapi dalam memastikan kesediaan emosi ibu bapa untuk menerima kekurangan anak-anak mereka terutamanya yang melibatkan masalah pembelajaran seperti disleksia. Cabaran emosi menunjukkan ibu bapa berasa sedih, kecewa dan takut untuk menerima kenyataan mempunyai anak-anak istimewa ini. Kebanyakkan daripada ibu bapa beranggapan bahawa anak-anak yang mempunyai ciri Disleksia ini tidak boleh pulih serta akan disisihkan apabila berada di kelas Pendidikan Khas. Seterusnya pula, cabaran motivasi diri menunjukkan ibu bapa berasa rendah diri berbanding ibu bapa yang lain kerana mempunyai anak-anak istimewa ini. Kebanyakkan ibu bapa akan bercerita kepada orang lain seperti adik-beradik dan jiran tetangga tentang permasalahan anak mereka. Akibatnya, aura negatif lebih banyak daripada aura positif tentang permasalahan yang dihadapi oleh anak-anak Disleksia ini. Orang luar yang tidak tahu dan tidak mempunyai anak Disleksia akan meracuni fikiran ibu bapa supaya mereka berasa rendah diri dan hina di mata masyarakat. Selanjutnya, cabaran dari aspek pengajaran anak-anak Disleksia di rumah. Ibu bapa mempunyai kerisauan akan cara yang berkesan dan bersesuaian dalam mengajar anak-anak Disleksia ini. Soekamto (1993) menegaskan bahawa motivasi merupakan faktor yang memberi pengaruh yang besar terhadap proses belajar murid. Ini kerana corak pengajaran anak-anak Disleksia ini sangat berbeza berbanding anak-anak yang normal. Kerisauan ini menjadi satu penghalang kepada ibu bapa untuk mendaftarkan anak-anak Disleksia ini ke Program Pendidikan Khas Integrasi Spesifik Disleksia.

Kajian-kajian mengenai Disleksia telah ada sejak sekian lama terutamanya kajian di luar negara. Kajian mengenai Disleksia banyak memfokuskan kepada golongan guru dan pengidap Disleksia itu sendiri, namun kajian dalam konteks ibu bapa kanak-kanak Disleksia masih kurang di Malaysia (Tg. Iffah, 2015). Walau bagaimanapun, Disleksia mula diberi perhatian di Malaysia setelah kerajaan Malaysia menggubal semula Akta Pendidikan 1961 kepada Akta Pendidikan 1996. Ia menyediakan klausa khusus berkaitan Pendidikan Khas yang menyatakan hak kesamarataan dalam mendapat pendidikan di institusi.

Justifikasi Pelaksanaan Amalan Terbaik

Terbinanya idea untuk menghasilkan Program Cakna Emosi (ProCaksi) dalam amalan terbaik ini adalah berdasarkan pengalaman pengkaji melihat sendiri kesukaran ibu bapa untuk menerima kenyataan tentang masalah pembelajaran

spesifik yang dihadapi oleh anak-anak mereka. Untuk memastikan kemenjadian Murid Pendidikan Berkeperluan Khas (MBPK) terutamanya Disleksia, murid memerlukan sokongan dan dorongan daripada ibu bapa dan ahli keluarga yang terdekat. Memandangkan ibu bapa ini tidak mempunyai saluran yang khusus untuk mendapatkan bantuan dari segi sokongan emosi dan kesedaran emosi bagi menangani masalah ini terutamanya anak-anak yang mempunyai masalah Disleksia, pengkaji mencuba memikirkan apakah cara yang terbaik dan berkesan bagi membantu ibu bapa ini untuk mendapatkan kesedaran dan sokongan emosi yang sewajarnya bagi menyelesaikan masalah pergolakan dalam diri kerana mempunyai anak-anak Disleksia ini.

Apabila pengkaji meninjau kekuatan yang ada dalam diri ibu bapa ini, secara keseluruhannya, mereka mempunyai keazaman untuk menerima kekurangan yang dimiliki oleh anak mereka selain bersedia untuk berubah menjadi ibu bapa yang terbaik. Hubungan ibu bapa dan anak yang mesra akan meningkatkan kemahiran anak-anak dalam membuat pilihan, berkomunikasi, dan mengendalikan hidup yang produktif (Baumrind, 1971). Oleh hal yang demikian dengan menggunakan kekuatan yang mereka ada pengkaji mencuba mencipta satu program yang mudah difahami untuk membantu mereka dalam mendapatkan sokongan emosi dan kesedaran emosi bagi menyelesaikan masalah pergolakan dalam diri kerana mempunyai anak-anak Disleksia.

Objektif Pelaksanaan

Objektif pelaksanaan amalan terbaik ini ialah:

1. Menguji dan menilai keberkesanan amalan terbaik Program Cakna Emosi dapat meningkatkan sokongan dari aspek emosi ibu bapa yang mempunyai anak-anak ciri-ciri disleksia.
2. Menguji dan menilai keberkesanan amalan terbaik Program Cakna Emosi dapat meningkatkan kesedaran dari aspek emosi ibu bapa yang mempunyai anak-anak ciri-ciri disleksia.

Amalan Terbaik yang Dilaksanakan

Sebelum pengkaji menjalankan amalan terbaik ini, pengkaji telah membuat terlebih dahulu pelan perancangan yang teliti supaya pengkaji lebih memahami tindakan yang perlu dilaksanakan oleh pengkaji. Dengan itu, matlamat amalan terbaik pengkaji dapat dicapai dengan betul dan tepat. Rentetan daripada itu, pengkaji telah membuat rujukan dan juga keberkesanan intervensi-intervensi bagi membolehkan amalan ini dilaksanakan dalam membantu ibu bapa murid pengkaji. Kaedah yang digunakan dan di amalkan ialah Program Cakna Prihatin sebagai intervensi amalan dalam mengatasi masalah tersebut. Berikut merupakan perancangan tindakan dalam melaksanakan amalan terbaik ini.

Fasa 1: Mengenal pasti Isu

Dalam mengenal pasti isu amalan ini, pengkaji telah membuat temubual dan pemerhatian terhadap kumpulan ibu bapa yang mempunyai anak ciri Disleksia.

Melalui hasil daripada temubual dan pemerhatian terhadap ibu bapa ini, pengkaji dapati mereka kurang sokongan dan kesedaran terhadap anak-anak yang mempunyai ciri Disleksia.

Fasa 2: Perancangan Tindakan Amalan Terbaik

Sebelum pengkaji menjalankan amalan ini, pengkaji telah membuat terlebih dahulu pelan perancangan yang teliti supaya pengkaji lebih memahami tindakan yang perlu dilaksanakan oleh pengkaji. Dengan itu, objektif pengkaji dapat dicapai dengan betul dan tepat. Rentetan daripada itu, pengkaji telah membuat rujukan beberapa kajian literature yang lepas berkenaan dengan isu pengkaji ini bagi membolehkan amalan ini dapat dilaksanakan dengan baik dan sempurna. Kaedah yang digunakan dalam amalan terbaik ini ialah Program Cakna Prihatin sebagai intervensi dalam mengatasi masalah kurangnya sokongan dan kesedaran dalam diri ibu bapa terhadap anak-anak yang mempunyai ciri Disleksia. Berikut merupakan perancangan tindakan dalam melaksanakan amalan terbaik ini.

Jadual 2
Perancangan Tindakan Amalan Terbaik.

BIL	TINDAKAN AMALAN TERBAIK
1.	Mengedarkan surat perjumpaan bersama ibu bapa
2.	Perjumpaan bersama ibu bapa yang terlibat.
3.	Ibu bapa menjawab borang soal selidik (Ujian Pra).
4.	Mengumpul dan memeriksa dapatan yang diperoleh.
5.	Menganalisis dapatan hasil borang soal selidik.
6.	Mengadakan Taklimat dan Ceramah Kesedaran dan Sokongan tentang Disleksia.
7.	Sesi dialog dan soal jawab.
8.	Perkongsian Cakna Emosi (ProCaksi). - Perkongsian Pengalaman Ibubapa. - Tayangan video apa itu Disleksia?
9.	Sesi dialog/soal jawab.
10.	Ibu bapa menjawab borang soal selidik (Ujian Pasca)
11.	Mengumpul dan memeriksa dapatan yang diperoleh.
12.	Menganalisis dapatan hasil daripada borang soal selidik dan sesi temubual.
13.	Membuat penilaian
14.	Membuat refleksi

Fasa 3: Melaksanakan Tindakan Amalan Terbaik

Pada fasa 3 ini, pengkaji telah menjalankan tindakan yang telah dirancang pada fasa kedua. Pengkaji juga menyediakan jadual perlaksanaan tindakan bagi memastikan amalan ini berjaya mencapai objektif yang telah ditetapkan. Melalui jadual yang telah disediakan dapat membantu pengkaji membuat intervensi dan aktiviti secara teratur dan terancang. Berikut merupakan jadual tindakan amalan terbaik pengkaji.

Jadual 3
Perlaksanaan Tindakan Amalan Terbaik

BIL	TINDAKAN AMALAN TERBAIK	PELAKSANAAN
1.	Perjumpaan bersama ibu bapa yang terlibat.	- Ibu bapa yang mempunyai anak-anak ciri Disleksia. - Di awal perjumpaan, ibu bapa akan diberikan 1 set borang soal selidik.
2.	Ibu bapa menjawab borang soal selidik (Ujian Pra)	- Ibu bapa perlu menjawab semua bahagian di dalam borang soal selidik tersebut - Pengkaji akan mengumpulkan dan memeriksa segala dapatan maklumat yang diperolehi daripada borang soal selidik .
3.	Mengumpul dan memeriksa dapatan yang diperoleh.	
4.	Mengadakan Ceramah Kesedaran dan Sokongan tentang Disleksia	- Ibu bapa mendengar taklimat dan ceramah tentang Disleksia. - Sesi dialog dan soal jawab dijalankan selepas selesai ceramah.
5.	Perkongsian Cakna Prihatin - Perkongsian Pengalaman Ibu bapa - Tayangan Video Disleksia	- Perkongsian pengalaman dalam membesar anak-anak Disleksia. - Tayangan video mengenai Disleksia ditayangkan untuk meningkatkan lagi kefahaman ibu bapa tentang disleksia.
6.	Sesi dialog/soal jawab	- Selepas selesai perkongsian cakna diadakan sesi dialog dan soal jawab.
7.	Ibu bapa menjawab borang soal selidik (Ujian Pasca)	- Ibu bapa akan diedarkan borang soal selidik (Ujian Pasca). - Ibu bapa perlu menjawab semua bahagian.
8.	Mengumpul dan memeriksa dapatan yang diperoleh	- Pengkaji akan mengumpulkan dan memeriksa segala dapatan maklumat yang diperolehi daripada borang soal selidik .

-
- | | |
|---|---|
| 9. Menganalisis dapatan hasil daripada borang soal selidik. | - Peringkat akhir, sesi analisis data akan dibuat bagi mendapatkan keputusan. |
|---|---|
-

Fasa 4: Mengumpul dan Menganalisis Data

Pengumpulan data adalah sangat penting dalam melaksanakan sesuatu amalan terbaik. Hal ini kerana data merupakan tunjang utama dalam membuktikan tentang kebenaran sesuatu amalan terbaik serta menilai sesuatu intervensi itu samaada berjaya atau tidak diamalkan. Dalam mengumpul data dan maklumat, alat atau cara bagaimana data itu dikumpulkan dan ditentukan oleh pengkaji sendiri. Pengumpulan data ini ditentukan sebelum penilaian dilakukan. Dalam amalan ini, setiap objektif yang ditetapkan mempunyai instrumen yang boleh dianalisis bagi melihat samada objektif tersebut tercapai ataupun tidak. Oleh itu, pengkaji telah menggunakan kaedah pengumpulan data secara tinjauan iaitu borang soal selidik. Data-data ini dikumpul bermula pada awal amalan terbaik ini dilaksanakan. Kemudian dapatan diperoleh dan dianalisis dengan lebih terperinci supaya hasil yang diperoleh dapat menentukan keputusan keberkesan amalan ini.

Jadual 4
Borang Soal Selidik Ujian Pra & Pasca

Soalan	Item	Tandakan	Ya	Tidak
S1.	Anak-anak Disleksia mempunyai tulisan sukar dibaca.			
S2.	Anak-anak Disleksia menulis secara terbalik abjad-abjad tertentu.			
S3.	Anak-anak Disleksia mempunyai daya tumpuan yang singkat.			
S4.	Ibu bapa bersikap positif dalam membantu membentuk keyakinan diri anak.			
S5.	Program Cakna Prihatin mewujudkan sokongan berterusan.			
S6.	Ibu bapa merupakan faktor penting kepada kejayaan anak-anak Disleksia.			
S7.	Reaksi emosi kedua ibu bapa akan mempengaruhi perkembangan anak-anak Disleksia.			
S8.	Ahli keluarga memainkan peranan penting dan menjadi suri teladan dari aspek emosi kepada anak-anak Disleksia.			
S9.	Ibu bapa perlu bijak mengawal emosi bagi memastikan anak-anak Disleksia ini diterima sepenuhnya. Amalan konsep memaafkan sebagai pengubat jiwa apabila melakukan kesalahan.			
S10				

Keberkesanan Amalan Terbaik yang Dilaksanakan

Menguji dan Menilai Keberkesanan Amalan Terbaik Program Cakna Emosi Dapat Meningkatkan Sokongan dari Aspek Emosi Ibu Bapa yang Mempunyai Anak-Anak Ciri-Ciri Disleksia.

Jadual 5
Perbandingan Data Kutipan Borang Soal Selidik Bagi Keberkesanan Amalan Procaksi.

SOALAN	UJIAN PRA		UJIAN PASCA	
	YA	TIDAK	YA	TIDAK
S1	1	4	4	1
S2	2	3	5	0
S3	0	5	5	0
S4	2	3	3	2
S5	1	4	4	1

Berdasarkan jadual 5, hasil daripada kaedah tinjauan menggunakan borang soal selidik kepada ibu bapa menunjukkan pada soalan 1, bagi ujian pra hanya 1 orang responden menjawab “ya” manakala 4 responden menjawab “tidak”. Pada soalan 2 terdapat 2 orang responden menjawab “ya” manakala 3 responden menjawab “tidak”. Soalan 4 pula mencatatkan hanya 5 responden sahaja menjawab “tidak” tetapi pada soalan 5 hanya 1 responden menjawab “ya” manakala 4 responden menjawab “tidak”. Perubahan dapat dilihat setelah ibu bapa yang terpilih sebagai sampel kajian mendapat pendedahan ilmu melalui perkongsian pengalaman dan ceramah keibubapan yang dijalankan berkaitan tentang Disleksia. Ini dapat dilihat pada soalan 1 responden menjawab “ya” secara 4 orang manakala 1 responden menjawab “tidak”. Ini diikuti oleh soalan 2, terdapat peningkatan dari sebelumnya menunjukkan 5 responden menjawab “ya” dan keadaan ini sama pada soalan 3. Berbanding pula soalan 4, hanya 3 responden menjawab ‘ya’ manakala 2 responden menjawab “tidak”. Peningkatan ini diteruskan lagi pada soalan 5 menunjukkan hanya 4 responden menjawab “ya” manakala 1 menjawab “tidak”.

Menguji dan Menilai Keberkesanan Amalan Terbaik Program Cakna Emosi Dapat Meningkatkan Kesedaran dari Aspek Emosi Ibu Bapa yang Mempunyai Anak-Anak Ciri-Ciri Disleksia.

Jadual 6
Perbandingan Data Kutipan Borang Soal Selidik Bagi Kesedaran Amalan Procaksi.

SOALAN	UJIAN PRA		UJIAN PASCA	
	YA	TIDAK	YA	TIDAK
S6	0	5	3	2
S7	2	3	5	0
S8	1	4	4	1
S9	3	2	4	1
S10	2	3	5	0

Berdasarkan Jadual 6 , dapatan hasil daripada kaedah tinjauan yang digunakan kepada ibu bapa menunjukkan pada soalan 6, bagi ujian pra tiada orang responden menjawab “ya” manakala 5 responden menjawab “tidak”. Berikutnya pula, soalan 7 terdapat 2 orang responden menjawab “ya” manakala 1 orang responden menjawab “tidak”. Soalan 8 pula mencatatkan hanya 3 orang responden sahaja menjawab “ya” dan 2 orang responden menjawab “tidak” tetapi pada soalan 9 hanya 3 responden menjawab “ya” manakala 2 responden menjawab “tidak”. 2 orang responden menjawab “ya” dan 3 orang responden menjawab “tidak” pada soalan 10.

Perubahan dapat dilihat setelah ibu bapa yang terpilih sebagai sampel kajian mendapat pendedahan ilmu melalui perkongsian pengalaman dan ceramah keibubapan yang dijalankan berkaitan tentang disleksia. Ini dapat dilihat pada soalan 6 responden menjawab “ya” seramai 3 orang manakala 2 responden menjawab “tidak”. Ini diikuti oleh soalan 7, terdapat peningkatan dari sebelumnya menunjukkan 5 responden menjawab “ya” dan keadaan ini sama pada soalan 10. Berbanding pula soalan 8, terdapat 4 responden menjawab ‘ya’ manakala 1 responden menjawab “tidak”. Peningkatan ini diteruskan lagi pada soalan 5 9 menunjukkan hanya 4 responden menjawab “ya” manakala 1 menjawab “tidak”.

Rumusan dan Cadangan

Kesimpulannya, setelah pengkaji berjaya menjalankan amalan terbaik ini, ia dapat membantu sedikit sebanyak dalam mengurangkan masalah pengkaji ketika berhadapan dengan ibu bapa yang mempunyai anak-anak Disleksia. Apabila menghadapi masalah emosi yang serius, adalah berguna untuk bertemu orang lain yang pernah berada di sana dan melakukannya. Kadangkala pengalaman atau penyelesaian orang lain boleh lebih membantu daripada mana-mana ahli terapi. Jika masa singkat, atau jika anda berasa tidak selesa untuk berkongsi perasaan peribadi dengan kumpulan tempatan, pengkaji juga boleh mempertimbangkan kumpulan sokongan dalam talian. Ini menawarkan sokongan yang mungkin pengkaji perlukan dengan bonus tambahan tanpa nama relatif. Semua individu tanpa mengira keupayaan dan ketidakupayaan mereka, status sosial, jantina, kebudayaan, ekonomi, latar belakang etnik atau agama mempunyai hak yang sama rata untuk mendapatkan kualiti kehidupan yang baik (Hazlin Falina et al. 2015).

Rujukan

- Baumrind.(1971). Current patterns of parental authority. *Developmental Psychology Monographs*, 4, 1–103
- Goleman. (1999). *Working with Emotional Intelligence*. New York, NY: Bantam Books
- Hazlin Falina Rosli., Wan Amizah Wan Mahmud., & Maizatul Haizan Mahbob. (2015). Realiti dan kesamarataan hak Orang Kelainan Upaya (OKU) di Malaysia dari perspektif media. *International Conferences on Media and Communication MENTION 2015*.

SALAMANCA. (1994). *Salamanca Statement and Framework for Action*. Sepanyol: SALAMANCA.

Soekamto Tuti (1993). *Perencanaan dan Pengembangan Sistem Instruksional*. Jakarta: Intermedia

Tg. Iffah Tuan Yazid & See Soo Yin. 2015. Pemahaman Ibu bapa terhadap Masalah Disleksia : Jeli, Kelantan.Universiti Malaysia Kelantan.

Williams, D. L., & Stallworth, J. T. (1984). *Parent involvement in education: What a survey reveals*. Austin, TX: Southwest Regional Educational Development Laboatory.